

03 DEC 1997

KOMANWEL 1998: PROMOSI DITINGKATKAN

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Promosi Sukan Kuala Lumpur - Sukan Komanwel 1998 sedang diperhebatkan di dalam dan di luar negeri.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, langkah itu penting untuk memaklumkan Malaysia sebagai penganjur sukan itu pada tahun depan.

Bercakap selepas majlis perasmian Kampung Buku Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini, Muhyiddin berkata usaha mempromosi sukan itu perlu ditingkatkan mulai sekarang.

Penganjur sukan itu turut mengambil kesempatan mengadakan promosi pada Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 1997) yang sedang berlangsung hingga Ahad ini.

Sejumlah risalah, poster dan maskot disediakan di pameran itu.

Sebelum ini, promosinya turut diadakan semasa Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwal (CHOGM) di Edinburgh Scotland.

Promosi yang sama juga diadakan pada Sukan SEA di Jakarta Indonesia bulan lepas. -- BERNAMA.

ZI NH PR